



KERAJAAN NEGERI KELANTAN

PEKELILING PERKHIDMATAN NEGERI KELANTAN BILANGAN 9 TAHUN 2003

URUSAN PERTUKARAN PELANTIKAN ANGGOTA KE SKIM PERKHIDMATAN PENOLONG PEGAWAI SYARIAH DAN PEMBANTU SYARIAH DI BAWAH BIDANG PERUNDANGAN DAN KEHAKIMAN SYARIAH

Adalah dimaklumkan bahawa Kerajaan Negeri telah bersetuju menerima pakai Pekeliling Perkhidmatan (Persekutuan) Bilangan 10 Tahun 2003 untuk Anggota Perkhidmatan Awam Negeri.

2. Bersama-sama ini disertakan sesalinan Pekeliling Perkhidmatan (Persekutuan) Bilangan 10 Tahun 2003 untuk panduan dan tindakan.

A handwritten signature in black ink, appearing to read 'Bermaklum' or similar, followed by a horizontal line.

(DATO' HAJI ISMAIL BIN LATIFF)
Timbalan Setiausaha Kerajaan (Pentadbiran)
b.p. SETIAUSAHA KERAJAAN
NEGERI KELANTAN


PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN
NEGERI KELANTAN
KOTA DARULNAIM
15503 KOTA BHARU

Bertarikh : 22 Syawal 1424
16 Disember 2003

[SUK.D.200(01)600/9/Jld. IV/'S'/(5)]

Kepada : Semua Ketua Jabatan Negeri

Salinan : 1. Semua Pihak Berkuasa Tempatan Negeri
2. Semua Pihak Berkuasa Berkanun Negeri



KERAJAAN SERI PADUKA BAGINDA MALAYSIA

PEKELILING PERKHIDMATAN BILANGAN 10 TAHUN 2003

URUSAN PERTUKARAN PELANTIKAN ANGGOTA KE SKIM PERKHIDMATAN PENOLONG PEGAWAI SYARIAH DAN PEMBANTU SYARIAH DI BAWAH BIDANG PERUNDANGAN DAN KEHAKIMAN SYARIAH

TUJUAN

1. Pekeling Perkhidmatan ini bertujuan untuk melaksanakan urusan pertukaran pelantikan selaras dengan keputusan kerajaan mewujudkan skim-skim perkhidmatan yang baru, Penolong Pegawai Syariah Gred LS27, LS32, LS38 dan Pembantu Syariah Gred LS17, LS22, LS26 dalam Klasifikasi Perkhidmatan Perundangan dan Kehakiman seperti yang telah dikuatkuasakan melalui Pekeling Perkhidmatan Bilangan 4 Tahun 2002, Pelaksanaan Sistem Saran Malaysia Bagi Anggota Perkhidmatan Awam Persekutuan.

LATAR BELAKANG

2. Pada masa ini, skim perkhidmatan Pegawai Syariah Gred LS41, LS44, LS48, LS52, LS54 merupakan satu-satunya skim perkhidmatan yang wujud dalam bidang Perundangan dan Kehakiman Syariah. Ia menjalankan fungsi perkhidmatan Perundangan dan Kehakiman Syariah sama ada di peringkat Persekutuan atau Negeri.

3. Selaras dengan hasrat untuk memantapkan Perundangan dan Kehakiman Syariah, maka kerajaan bersetuju memperkemas struktur perkhidmatan Perundangan dan Kehakiman Syariah dengan mewujudkan dua lagi skim perkhidmatan dalam Kumpulan Sokongan di samping skim perkhidmatan Pegawai Syariah yang telah sedia ada dalam Kumpulan Pengurusan dan Profesional. Dua skim perkhidmatan yang baru iaitu Penolong Pegawai Syariah Gred LS27, LS32, LS38 dan Pembantu Syariah Gred LS17, LS22, LS26 akan mengambil alih tugas-tugas perkhidmatan Perundangan dan Kehakiman Syariah yang kini dipertanggungjawab kepada Penolong Pegawai Hal Ehwal Islam Gred S27, S32, S38 dan Pembantu Hal Ehwal Islam Gred S17, S22, S26 daripada Klasifikasi Perkhidmatan Sosial.

SKIM PERKHIDMATAN BARU

4. Pewujudan skim-skim perkhidmatan baru ini akan mengubah struktur perkhidmatan Perundangan dan Kehakiman Syariah yang sedia ada dari satu kepada tiga lapisan, yang mengandungi skim perkhidmatan Pegawai Syariah, Penolong Pegawai Syariah dan Pembantu Syariah.

5. Tugas utama kedua-dua perkhidmatan ini adalah membantu melaksanakan tugas-tugas yang berkaitan dengan Perundangan dan Kehakiman Syariah, meliputi urusan pendaftaran, perbicaraan, guaman, pendakwaan dan juga pentadbiran di Mahkamah Syariah dan mana-mana yang berkenaan. Penetapan fungsi tersebut diharap akan memantapkan perjalanan urusan pentadbiran dan pelaksanaan Perundangan dan Kehakiman Syariah di jabatan berkenaan di pelbagai peringkat.

6. Skim perkhidmatan Penolong Pegawai Syariah Gred LS27, LS32, LS38 dan Pembantu Syariah Gred LS17, LS22, LS26 adalah seperti mana yang terdapat dalam Lampiran B kepada Pekeling Perkhidmatan Bilangan 4 Tahun 2002. Untuk memudahkan rujukan, bersama-sama ini disertakan sesalinan skim perkhidmatan berkenaan di **Lampiran A** dan **B**. Contoh iklan bagi urusan pengambilan ke perkhidmatan-perkhidmatan tersebut serta penguraian kerja lengkapnya adalah seperti di **Lampiran C, C1, D** dan **D1**.

7. Ketua Perkhidmatan bagi anggota dalam perkhidmatan Persekutuan yang menerima opsyen ke skim perkhidmatan ini ialah Ketua Pengarah/Ketua Hakim Syarie, Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia, manakala anggota dalam perkhidmatan Negeri ialah Setiausaha Kerajaan Negeri.

8. Kedua-dua skim perkhidmatan ini juga memperuntuk peluang kenaikan pangkat secara lantikan kepada anggota yang sedang berkhidmat. Anggota dalam skim perkhidmatan Penolong Pegawai Syariah Gred LS27, LS32, LS38 diberi faedah kenaikan pangkat secara lantikan ke skim perkhidmatan Pegawai Syariah Gred LS41, manakala Pembantu Syariah Gred LS17, LS22, LS26 pula diberi faedah kenaikan pangkat secara lantikan ke skim perkhidmatan Penolong Pegawai Syariah Gred LS27, tertakluk kepada kekosongan jawatan.

PELAKSANAAN

9. Semua anggota Penolong Pegawai Hal Ehwal Islam Gred S27, S32, S38 dan Pembantu Hal Ehwal Islam Gred S17, S22, S26 yang dilantik secara tetap dan sedang bertugas di Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia, Biro Bantuan Guaman dan Mahkamah Syariah di peringkat persekutuan dan negeri adalah layak ditukar lantik ke skim perkhidmatan Penolong Pegawai Syariah Gred LS27, LS32, LS38 dan Pembantu Syariah Gred LS17, LS22, LS26 mengikut gred ke gred, sebagaimana contoh yang berikut:

- (a) Gred S17 ke Gred LS17
- (b) Gred S32 ke Gred LS32

10. Ketua Jabatan hendaklah menghubungi Bahagian Pembangunan Organisasi, Jabatan Perkhidmatan Awam untuk mewujudkan jawatan Penolong Pegawai Syariah Gred LS27, LS32, LS38 dan Pembantu Syariah Gred LS17, LS22, LS26 secara tukar ganti dengan memansuhkan jawatan Penolong Pegawai Hal Ehwal Islam Gred S27, S32, S38 dan Pembantu Hal Ehwal Islam Gred S17, S22, S26.

Pemberian Opsyen

11. Dengan terlaksananya skim perkhidmatan Penolong Pegawai Syariah Gred LS27, LS32, LS38 dan Pembantu Syariah Gred LS17, LS22, LS26, Pihak Berkuasa Melantik melalui ketua perkhidmatan akan mengeluarkan opsyen tukar lantik kepada anggota yang sedang berkhidmat dalam perkhidmatan Penolong Pegawai Hal Ehwal Islam Gred S27, S32, S38 dan Pembantu Hal Ehwal Islam Gred S17, S22, S26 bagi membolehkan anggota membuat pilihan. Anggota yang bersetuju menerima opsyen akan ditukar lantik ke skim perkhidmatan Penolong Pegawai Syariah Gred LS27, LS32, LS38 dan Pembantu Syariah Gred LS17, LS22, LS26. Pilihan yang dibuat adalah muktamad.
12. Anggota yang terlibat diberi tempoh 30 hari mulai tarikh surat opsyen dikeluarkan untuk membuat pilihan sama ada menerima atau menolak tawaran ini. Anggota yang tidak membuat sebarang opsyen atau gagal mengembalikan borang opsyen dalam tempoh yang ditetapkan tanpa sebab yang munasabah atau membuat opsyen dengan bersyarat dianggap sebagai tidak bersetuju untuk ditukar lantik ke perkhidmatan baru ini. Mereka akan kekal dalam perkhidmatan hakiki sekarang secara Khas Untuk Penyandang.
13. Tawaran opsyen ini diberi kepada anggota yang bertaraf tetap, termasuk mereka yang masih dalam tempoh percubaan dalam perkhidmatan Penolong Pegawai Hal Ehwal Islam Gred S27, S32, S38 dan Pembantu Hal Ehwal Islam Gred S17, S22, S26 serta telah memilih tawaran opsyen Sistem Saraan Malaysia.
14. Tawaran opsyen ini juga hendaklah diberi kepada Penolong Pegawai Hal Ehwal Islam Gred S27, S32, S38 dan Pembantu Hal Ehwal Islam Gred S17, S22, S26 yang berada dalam keadaan berikut:
 - (a) dipinjamkan atau ditukarkan sementara;
 - (b) sedang bercuti;
 - (c) tidak hadir bertugas semasa opsyen dikeluarkan dan berkuat kuasa;
 - (d) sedang dalam proses tindakan tatatertib; dan
 - (e) sedang menjalani hukuman tatatertib selain daripada hukuman buang kerja.

15. Penolong Pegawai Hal Ehwal Islam Gred S27, S32, S38 dan Pembantu Hal Ehwal Islam Gred S17, S22, S26 yang sedang dalam proses tindakan tatatertib, jika sabit kesalahannya dan dijatuhi hukuman buang kerja dalam tempoh opsyen, maka tawaran opsyen tersebut dengan sendirinya terbatal.
16. Sekiranya surat tawaran opsyen tidak dapat disampaikan, termasuk kepada mereka yang berada dalam keadaan seperti di perenggan 14, Pihak Berkuasa Melantik boleh menawarkan surat tawaran opsyen dengan memberi tempoh yang sama (30 hari) untuk membolehkan mereka membuat pilihan, walaupun tempoh opsyen asal telah tamat.
17. Bagi maksud urusan pemberian opsyen, contoh surat tawaran, syarat-syarat pertukaran pelantikan dan borang opsyen adalah seperti di **Lampiran E, E1, E2** dan **F, F1, F2**.
18. Tawaran opsyen ini tidak melibatkan anggota dalam lantikan sementara/kontrak/sambilan.

Kaedah Pelarasan Gaji

19. Gaji Penolong Pegawai Hal Ehwal Islam Gred S27, S32, S38 dan Pembantu Hal Ehwal Islam Gred S17, S22, S26 akan diselaraskan ke gaji Penolong Pegawai Syariah Gred LS27, LS32, LS38 dan Pembantu Syariah Gred LS17, LS22, LS26 mengikut gred ke gred mengikut yang mana berkenaan. Kaedah pelarasan gaji anggota adalah seperti berikut:-
 - (a) gaji anggota yang belum disahkan dalam perkhidmatan hendaklah diselaraskan ke matagaji tertinggi berhampiran dengan matagaji jawatan asal di Peringkat 1(P1);
 - (b) anggota yang telah disahkan dalam perkhidmatan hendaklah ditawarkan matagaji tertinggi berhampiran dengan matagaji akhir di jawatan asal

mengikut Peringkat (P) masing-masing, tetapi tidak kurang daripada satu pergerakan gaji biasa jawatan asal. Jika matagaji mengikut Peringkat (P) jawatan baru tidak dapat menampung gaji permulaan yang ditetapkan mengikut prinsip di atas, gaji boleh ditetapkan di Peringkat (P) berikutnya;

- (c) anggota yang gaji akhirnya tidak dapat ditampung oleh matagaji mengikut kaedah (b) di atas, maka sifir pemindahan gaji Khas Untuk Penyandang (KUP) di jawatan baru hendaklah dipohon daripada Bahagian Gaji dan Elaun, Jabatan Perkhidmatan Awam.

20. Pergerakan gaji tahunan jawatan asal yang sepatutnya diterima oleh anggota dalam tahun pertukaran pelantikan itu dikuatkuasakan, hendaklah diberi di jawatan baru.

21. Jadual Gaji Matriks bagi perkhidmatan Penolong Pegawai Syariah dan Pembantu Syariah adalah seperti di **Lampiran G** dan **G1** dan contoh kaedah pelarasan gaji adalah seperti di **Lampiran H, H1, H2, H3**.

TARIKH PERGERAKAN GAJI

22. Tarikh Pergerakan Gaji (TPG) asal bagi anggota yang terlibat dalam urusan ini hendaklah diubah kepada satu TPG baru pada tahun berikutnya selepas tarikh kuat kuasa pertukaran pelantikan. TPG baru ialah mulai 1 Januari tahun berikutnya.

KAEDAH PELAKSANAAN OPSYEN

23. Dalam melaksanakan skim perkhidmatan baru ini, Ketua Jabatan dan anggota yang terlibat hendaklah mematuhi kaedah pelaksanaan opsyen yang ditetapkan seperti berikut:-

Ketua Jabatan

- (a) menawarkan opsyen kepada Penolong Pegawai Hal Ehwal Islam Gred S27, S32, S38 dan Pembantu Hal Ehwal Islam Gred S17, S22, S26 yang bertugas di Jabatan Kehakiman Syariah, Biro Bantuan Guaman dan Mahkamah Syariah. Penjelasan yang terperinci mengenai opsyen ini kepada anggota yang terlibat dan implikasi keputusan yang dibuat hendaklah diberi;
- (b) bagi anggota perkhidmatan Persekutuan, Penolong Pegawai Hal Ehwal Islam Gred S27, S32, S38 dan Pembantu Hal Ehwal Islam Gred S17, S22, S26, Ketua Jabatan/Perkhidmatan adalah dikehendaki memaklumkan kepada Jabatan Kemajuan Islam (JAKIM) nama-nama anggota yang tidak memilih opsyen. Ini perlu bagi membolehkan pihak pengurusan menempatkan mereka ke mana-mana jawatan Penolong Pegawai Hal Ehwal Islam Gred S27, S32, S38 dan Pembantu Hal Ehwal Islam Gred S17, S22, S26 yang kosong;
- (c) bagi perkhidmatan di bawah Pentadbiran Setiausaha Kerajaan Negeri, Ketua Perkhidmatan diminta memastikan mana-mana anggota yang tidak memilih opsyen ini dikekalkan sebagai Penolong Pegawai Hal Ehwal Islam Gred S27, S32, S38 dan Pembantu Hal Ehwal Islam Gred S17, S22, S26 Khas Untuk Penyandang (KUP) di jabatan masing-masing;
- (d) Ketua Jabatan diminta berhubung dengan Bahagian Pembangunan Organisasi, Jabatan Perkhidmatan Awam untuk urusan pindaan perjawatan Penolong Pegawai Hal Ehwal Islam Gred S27, S32, S38 dan Pembantu Hal Ehwal Islam Gred S17, S22, S26 ke jawatan Penolong Pegawai Syariah Gred LS27, LS32, LS38 dan Pembantu Syariah Gred

LS17, LS22, LS26 sewajarnya selepas urusan opsyen pertukaran pelantikan ini selesai;

- (e) Ketua Jabatan juga boleh memohon untuk meminda mana-mana perjawatan Penolong Pegawai Hal Ehwal Islam Gred S27, S32, S38 dan Pembantu Hal Ehwal Islam Gred S17, S22, S26 yang menjalankan tugas-tugas pendaftaran, perbicaraan, guaman, pendakwaan dan pentadbiran perundangan syariah yang kosong kepada jawatan Penolong Pegawai Syariah Gred LS27, LS32, LS38 dan Pembantu Syariah Gred LS17, LS22, LS26. Walau bagaimanapun, pindaan perjawatan ini tidak akan melibatkan sebarang tambahan jawatan yang baru; dan
- (f) Ketua Jabatan hendaklah mengemaskini Buku Kenyataan Perkhidmatan anggota yang terlibat selaras dengan perubahan-perubahan yang berkaitan.

Anggota

- (a) membaca dengan teliti dan faham mengenai opsyen sebelum membuat keputusan. Jika terdapat sebarang keraguan, anggota hendaklah merujuk kepada Ketua Jabatan untuk mendapatkan penjelasan selanjutnya. Sebarang opsyen yang dibuat adalah muktamad;
- (b) melengkapkan dua (2) salinan borang opsyen iaitu satu salinan untuk disimpan oleh Ketua Jabatan manakala satu salinan lagi untuk anggota berkenaan; dan
- (c) membuat pilihan dalam tempoh 30 hari mulai dari tarikh surat tawaran.


TARIKH KUAT KUASA

24. Pekeliling Perkhidmatan ini berkuat kuasa mulai **1 Januari 2004**.

PEMAKAIAN

25. Tertakluk kepada penerimaannya oleh pihak berkuasa masing-masing, peruntukan Pekeliling Perkhidmatan ini dipanjangkan kepada semua Perkhidmatan Negeri.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”



(TAN SRI JAMALUDDIN BIN HAJI AHMAD DAMANHURI)
Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam
Malaysia.

JABATAN PERKHIDMATAN AWAM
MALAYSIA
PUTRAJAYA

7 November 2003

Setiausaha Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Malaysia
Semua Ketua Setiausaha Kementerian
Ketua Pengarah/Ketua Hakim Syarie, Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia
Ketua Pengarah Jabatan Kemajuan Islam Malaysia
Semua Y.B. Setiausaha Kerajaan Negeri
Semua Setiausaha Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Negeri
Semua Ketua Hakim Syarie Negeri

LAMPIRAN A

SKIM PERKHIDMATAN PENOOLONG PEGAWAI SYARIAH

KLASIFIKASI : PERKHIDMATAN PERUNDANGAN DAN KEHAKIMAN
KUMPULAN PERKHIDMATAN : SOKONGAN
TARIKH KUAT KUASA : 1 NOVEMBER 2002

Gred	Jadual Gaji Matriks			
Gred LS27	P1T1	RM 964.85	-	P1T26 RM2422.90
	P2T1	RM1007.20	-	P2T26 RM2581.41
	P3T1	RM1056.81	-	P3T26 RM2725.40
Gred LS32	P1T1	RM2167.59	-	P1T10 RM2875.44
	P2T1	RM2335.78	-	P2T10 RM3108.97
Gred LS38	P1T1	RM2402.33	-	P1T11 RM3553.04
	P2T1	RM2570.52	-	P2T11 RM3930.56

- SYARAT LANTIKAN**
1. Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:-
 - (a) warganegara Malaysia;
 - (b) berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan;
 - (c) (i) Sijil Tinggi Agama Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan; atau
(ii) diploma dalam bidang pengajian Islam (Syariah) yang diiktiraf oleh kerajaan daripada institusi-institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.
(Gaji permulaan ialah pada Gred LS27: P1T5);
 2. Pegawai sedang berkhidmat dalam perkhidmatan Pembantu Syariah adalah layak dipertimbang oleh Pihak Berkuasa Melantik berkenaan untuk kenaikan pangkat secara lantikan ke jawatan Penolong Pegawai Syariah Gred LS27, tertakluk kepada kekosongan jawatan, apabila telah disahkan dalam perkhidmatan dan:-
 - (a) (i) mempunyai kelayakan di perenggan 1(c) di atas; atau
- SYARAT KENAIKAN PANGKAT SECARA LANTIKAN**

- (ii) lulus Peperiksaan Khas; dan
- (b) berumur kurang dari 54 tahun pada tarikh lantikan.
- PENETAPAN GAJI PERMULAAN**
3. Gaji permulaan yang lebih tinggi atas P1 Gred LS27 boleh ditetapkan oleh Pihak Berkuasa Melantik berkenaan berasaskan kepada pengalaman kerja berkaitan.
- TEMPOH PERCUBAAN**
4. Penolong Pegawai Syariah Gred LS27 yang dilantik secara tetap atau kenaikan pangkat secara lantikan adalah dikehendaki berkhidmat dalam tempoh percubaan selama 1 hingga 3 tahun.
- LATIHAN**
5. Penolong Pegawai Syariah boleh dikehendaki mengikuti latihan yang ditetapkan oleh ketua perkhidmatan yang berkenaan.
- KURSUS INDUKSI/ PEPERIKSAAN**
6. Penolong Pegawai Syariah Gred LS27 dalam percubaan adalah dikehendaki hadir dengan jayanya kursus induksi dan lulus peperiksaan perkhidmatan yang ditetapkan oleh ketua perkhidmatan yang berkenaan.
- PENGESAHAN DALAM PERKHIDMATAN**
7. Penolong Pegawai Syariah Gred LS27 yang dilantik adalah layak disahkan dalam perkhidmatan apabila telah:-
- (a) memenuhi tempoh percubaan;
- (b) hadir dengan jayanya kursus induksi dan lulus peperiksaan perkhidmatan yang ditetapkan; dan
- (c) diperaku oleh ketua perkhidmatan.
- PERGERAKAN GAJI TAHUNAN**
8. Pergerakan gaji tahunan adalah tidak automatik dan akan ditetapkan oleh ketua perkhidmatan berdasarkan prestasi perkhidmatan.
- PENILAIAN TAHAP KECEKAPAN**
9. Penolong Pegawai Syariah hendaklah lulus penilaian tahap kecekapan yang ditetapkan oleh ketua perkhidmatan untuk kenaikan pangkat.
- KENAIKAN PANGKAT KE GRED LS2**
10. Penolong Pegawai Syariah Gred LS27 adalah layak dipertimbang bagi kenaikan pangkat ke jawatan Penolong Pegawai Syariah Gred LS2 yang kosong apabila telah:-
- (a) disahkan dalam perkhidmatan;
- (b) mencapai tahap prestasi yang ditetapkan;
- (c) lulus semua penilaian tahap kecekapan yang ditetapkan; dan
- (d) diperaku oleh ketua perkhidmatan.
- KENAIKAN PANGKAT KE GRED LS38**
11. Penolong Pegawai Syariah Gred LS32 adalah layak dipertimbang bagi kenaikan pangkat ke jawatan Penolong Pegawai Syariah Gred LS38 yang kosong apabila telah:-
- (a) mencapai tahap prestasi yang ditetapkan;

- (b) lulus semua penilaian tahap kecekapan yang ditetapkan; dan
- (c) diperaku oleh ketua perkhidmatan.
12. Penolong Pegawai Syariah yang menunjukkan prestasi yang cemerlang adalah layak dipertimbang oleh Pihak Berkuasa Melantik berkenaan untuk kenaikan pangkat secara lantikan ke jawatan Pegawai Undang-undang Gred LS41 yang kosong mengikut syarat-syarat yang ditetapkan dalam skim perkhidmatan berkenaan.

**KENAIKAN PANGKAT
SECARA LANTIKAN
KE PERKHIDMATAN
PEGAWAI SYARIAH**

LAMPIRAN B

SKIM PERKHIDMATAN PEMBANTU SYARIAH

KLASIFIKASI : PERKHIDMATAN PERUNDANGAN DAN KEHAKIMAN
KUMPULAN PERKHIDMATAN : SOKONGAN
TARIKH KUAT KUASA : 1 NOVEMBER 2002

Gred		Jadual Gaji Matriks				
Gred LS17	:	P1T1	RM658.72	-	P1T24	RM1723.52
		P2T1	RM699.86	-	P2T24	RM1820.32
		P3T1	RM742.21	-	P3T24	RM1920.75
Gred LS22	:	P1T1	RM1534.76	-	P1T12	RM2272.86
		P2T1	RM1648.50	-	P2T12	RM2510.02
Gred LS26	:	P1T1	RM1759.82	-	P1T9	RM2389.02
		P2T1	RM1928.01	-	P2T9	RM2615.29

SYARAT LANTIKAN	<p>1. Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:-</p> <p>(a) warganegara Malaysia;</p> <p>(b) berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan;</p> <p>(c) Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan dengan lulus dalam subjek Bahasa Arab (Komunikasi) atau Bahasa Arab Tinggi dan kepujian dalam subjek Al-Quran dan Sunnah atau Syariah Islamiah;</p> <p>dan</p> <p>(d) lulus Bahasa Malaysia/Bahasa Melayu (termasuk lulus Ujian Lisan) pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan.</p>
PENETAPAN GAJI PERMULAAN	<p>2. Gaji permulaan yang lebih tinggi atas P1 Gred LS17 boleh ditetapkan oleh Pihak Berkuasa Melantik berkenaan berasaskan kepada pengalaman kerja berkaitan.</p>
TEMPOH PERCUBAAN	<p>3. Pembantu Syariah Gred LS17 yang dilantik adalah dikehendaki berkhidmat dalam tempoh percubaan selama 1 hingga 3 tahun.</p>
LATIHAN	<p>4. Pembantu Syariah boleh dikehendaki mengikuti latihan yang ditetapkan oleh ketua perkhidmatan yang berkenaan.</p>

**KURSUS INDUKSI/
PEPERIKSAAN**

5. Pembantu Syariah Gred LS17 dalam percubaan adalah dikehendaki hadir dengan jayanya kursus induksi dan lulus peperiksaan perkhidmatan yang ditetapkan oleh ketua perkhidmatan yang berkenaan.

**PENGESAHAN DALAM
PERKHIDMATAN**

6. Pembantu Syariah Gred LS17 yang dilantik adalah layak disahkan dalam perkhidmatan apabila telah:-
 - (a) memenuhi tempoh percubaan;
 - (b) hadir dengan jayanya kursus induksi dan lulus peperiksaan perkhidmatan yang ditetapkan; dan
 - (c) diperaku oleh ketua perkhidmatan.

**PERGERAKAN GAJI
TAHUNAN**

7. Pergerakan gaji tahunan adalah tidak automatik dan akan ditetapkan oleh ketua perkhidmatan berdasarkan prestasi perkhidmatan.

**PENILAIAN TAHAP
KECEKAPAN**

8. Pembantu Syariah hendaklah lulus penilaian tahap kecekapan yang ditetapkan oleh ketua perkhidmatan untuk kenaikan pangkat.

**KENAIKAN PANGKAT
KE GRED LS22**

9. Pembantu Syariah Gred LS17 adalah layak dipertimbang bagi kenaikan pangkat ke jawatan Pembantu Syariah Gred LS22 yang kosong apabila telah:-
 - (a) disahkan dalam perkhidmatan;
 - (b) mencapai tahap prestasi yang ditetapkan;
 - (c) lulus semua penilaian tahap kecekapan yang ditetapkan; dan
 - (d) diperaku oleh ketua perkhidmatan.

**KENAIKAN PANGKAT
KE GRED LS26**

10. Pembantu Syariah Gred LS22 adalah layak dipertimbang bagi kenaikan pangkat ke jawatan Pembantu Syariah Gred LS26 yang kosong apabila telah:-
 - (a) mencapai tahap prestasi yang ditetapkan;
 - (b) lulus semua penilaian tahap kecekapan yang ditetapkan; dan
 - (c) diperaku oleh ketua perkhidmatan.

**KENAIKAN PANGKAT
SECARA LANTIKAN
KE PERKHIDMATAN
PENOLONG PEGAWAI
SYARIAH**

11. Pembantu Syariah yang menunjukkan prestasi yang cemerlang adalah layak dipertimbang oleh Pihak Berkuasa Melantik berkenaan untuk kenaikan pangkat secara lantikan ke jawatan Penolong Pegawai Syariah Gred LS27 yang kosong mengikut syarat-syarat yang ditetapkan dalam skim perkhidmatan berkenaan.

LAMPIRAN C

IKLAN JAWATAN

1. (a) Jawatan : Penolong Pegawai Syariah
(b) Kementerian/Jabatan :
(c) Kumpulan : Sokongan Perkhidmatan
(d) Klasifikasi : Perkhidmatan Perundangan dan Kehakiman Perkhidmatan

2. Jadual Gaji : Gaji Matriks

Gred LS27	P1T1 RM 964.85 - P1T26 RM2422.90
	P2T1 RM1007.20 - P2T26 RM2581.41
	P3T1 RM1056.81 - P3T26 RM2725.40
Gred LS32	P1T1 RM2167.59 - P1T10 RM2875.44
	P2T1 RM2335.78 - P2T10 RM3108.97
Gred LS38	P1T1 RM2402.33 - P1T11 RM3553.04
	P2T1 RM2570.52 - P2T11 RM3930.56

3. Syarat Lantikan : Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:-
 - (a) warganegara Malaysia;
 - (b) berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan;
 - (c) (i) Sijil Tinggi Agama Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan; atau
(ii) diploma dalam bidang pengajian Islam (Syariah) yang diiktiraf oleh kerajaan daripada institusi-institusi pengajian

tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

dan (d) lulus Bahasa Malaysia/Bahasa Melayu (termasuk lulus Ujian Lisan) pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan.

- | | | |
|--|---|---|
| 4. Taraf Jawatan | : | Tetap |
| 5. Penaklukan Di Bawah Syarat-syarat Skim Perkhidmatan | : | Anggota yang memasuki perkhidmatan Penolong Pegawai Syariah adalah tertakluk kepada syarat-syarat skim perkhidmatan berkenaan yang sedang berkuat kuasa serta pindaan-pindaan yang dibuat ke atasnya dari semasa ke semasa. |
| 6. Fungsi Bidang Tugas | : | Melaksanakan tugas-tugas yang berkaitan dengan Perundangan Syariah, meliputi urusan pendaftaran, perbicaraan, guaman, pendakwaan dan pentadbiran di Mahkamah Syariah. |

LAMPIRAN C1

IKLAN JAWATAN

1. (a) Jawatan : Pembantu Syariah
(b) Kementerian/Jabatan :
(c) Kumpulan : Sokongan Perkhidmatan
(d) Klasifikasi : Perkhidmatan Perundangan dan Kehakiman Perkhidmatan
2. Jadual Gaji : Gaji Matriks

Gred LS17	P1T1 RM 658.72 - P1T24 RM1723.52 P2T1 RM 699.86 - P2T24 RM1820.32 P3T1 RM 742.21 - P3T24 RM1920.75
Gred LS22	P1T1 RM1534.76 - P1T12 RM2272.86 P2T1 RM1648.50 - P2T12 RM2510.02
Gred LS26	P1T1 RM1759.82 - P1T9 RM2389.02 P2T1 RM1928.01 - P2T9 RM2615.29
3. Syarat Lantikan : Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:-
 - (a) warganegara Malaysia;
 - (b) berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan;
 - (c) Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan dengan lulus dalam subjek Bahasa Arab (Komunikasi) atau Bahasa Arab Tinggi dan kepujian dalam subjek Al-Quran dan Sunnah atau Syariah Islamiah;
 - dan (d) lulus Bahasa Malaysia/Bahasa Melayu (termasuk lulus Ujian Lisan)

pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan.

4. Taraf Jawatan : Tetap
5. Penaklukan Di Bawah Syarat-syarat Skim Perkhidmatan : Anggota yang memasuki Perkhidmatan Pembantu Syariah adalah tertakluk kepada syarat-syarat skim perkhidmatan berkenaan yang sedang berkuat kuasa serta pindaan-pindaan yang dibuat ke atasnya dari semasa ke semasa.
6. Fungsi Bidang Tugas : Melaksanakan tugas-tugas yang berkaitan dengan Perundangan Syariah, meliputi urusan pendaftaran, perbicaraan, guaman, pendakwaan dan pentadbiran di Mahkamah Syariah.

LAMPIRAN D

PENGHURAIAN SKOP TUGAS SKIM PERKHIDMATAN PENOLONG PEGAWAI SYARIAH

1. SKIM PERKHIDMATAN

Penolong Pegawai Syariah Gred LS27, LS32, LS38.

2. PERINGKAT ORGANISASI

Pelbagai Jabatan/Agenzi Kerajaan.

3. SKOP FUNGSI DAN BIDANG TUGAS

3.1 Jabatan Kehakiman Syariah

- (i) Menjalankan tugas-tugas berkaitan pentadbiran dan perancangan program jabatan seperti:
 - (a) merangka pelan tindakan ke arah penyeragaman pentadbiran organisasi Mahkamah Syariah seluruh Malaysia;
 - (b) Urusetia Persidangan Pegawai-pegawai Syariah seluruh Malaysia, Mesyuarat Ketua-ketua Hakim dan Ketua-ketua Pendaftar;
 - (c) menyemak, mengenalpasti dan menyelaras prosedur rayuan yang terpakai di mahkamah negeri-negeri; dan
 - (d) menyelaras dan memastikan keseragaman pengurusan kes, pendaftaran, pembayaran yuran, perbicaraan, tangguhan, keputusan dan penghakiman.
- (ii) Menjalankan tugas-tugas berkaitan penyelidikan dan perancangan seperti:
 - (a) menjalankan penyelidikan berdasarkan undang-undang bertulis dan hukum syarak berkaitan dengan isu undang-undang yang berbangkit dalam sesuatu prosiding;

- (b) menjalankan penyelidikan dari segi undang-undang hukum syarak berdasarkan soal fakta dan undang-undang yang dibangkitkan dalam sesuatu prosiding;
 - (c) menyediakan rujukan yang lengkap untuk hakim dalam alasan penghakiman; dan
 - (d) membantu menguruskan perjalanan fail-fail bagi hakim.
- (iii) Menjalankan tugas yang berkaitan dengan perancangan dan pelarasan program latihan serta bertanggungjawab merangka kurikulum latihan bagi Pegawai Syariah dan anggota sokongan.

3.2 **Mahkamah Syariah**

- (i) Menyelaras pendaftaran kes-kes mal dan jenayah Mahkamah Rendah dan permohonan kes-kes rayuan Mahkamah Rendah Syariah.
- (ii) Menyelenggara urusan perjalanan Mahkamah Rendah Syariah dan tindakan mahkamah yang dikemukakan oleh pendakwa mengenai kes-kes jenayah.
- (iii) Menguruskan hal-hal berkaitan dengan kes mal, jenayah dan faraid seperti penentuan tarikh sebutan, perbicaraan dan tangguhan kes serta urusan perekodan kes.
- (iv) Membuat draf perintah yang telah diputuskan oleh mahkamah bagi kes-kes yang tidak memakai peguam.
- (v) Menyediakan dan bertanggungjawab ke atas segala borang panggilan dan perintah mahkamah.

3.3 **Biro Bantuan Guaman**

- (i) Menerima aduan orang awam berkaitan tuntutan syariah.
- (ii) Membuka dan mengendalikan fail-fail kes dari segi tarikh bicara/sebutan, mahkamah yang terlibat dan lain-lain.
- (iii) Memproses notis tindakan, saman, permohonan untuk tujuan pemfailan di mahkamah.
- (iv) Menyediakan penyataan tuntutan, pembelaan, afidavit, afidavit jawapan dan dokumen lain yang berkaitan.

- (v) Menghadiri dan mengendalikan kes-kes di Mahkamah Syariah.
- (vi) Membuat penyelidikan dan rujukan berhubung dengan masalah Perundangan Syariah.

3.4 Bahagian Pendakwaan

- (i) Bertanggungjawab mengkaji laporan berhubung aduan-aduan pelanggaran peruntukan akta atau enakmen berhubung kesalahan jenayah syariah.
- (ii) Membantu mengendalikan tindakan yang berkaitan dengan pendakwaan sama ada di dalam kamar pendaftar, kamar hakim atau di dewan mahkamah.
- (iii) Menyediakan laporan lengkap bagi kes-kes yang tidak dapat diteruskan pendakwaan di mahkamah.
- (iv) Menyediakan kertas pertuduhan untuk tindakan pendakwaan.
- (v) Mengkaji keputusan kes-kes yang dirayu.

4. HUBUNGAN KERJA

Dalaman

- Rakan sekerja di Bahagian/Unit yang sama.
- Anggota di Bahagian lain di dalam organisasi yang sama.

Luaran

- Jabatan/Agensi Kerajaan.
- Orang perseorangan
- Firma Guaman

5. PERSEKITARAN KERJA

Dalam dan luar pejabat/mahkamah.

6. KEBOLEHAN YANG DIUTAMAKAN (PENGETAHUAN/KEMAHIRAN)

- mempunyai pengetahuan dan kemahiran mengenai aspek perundangan Islam

- mempunyai kemahiran dalam bahasa Arab

7. SIFAT-SIFAT YANG BERSESUAIAN DENGAN JAWATAN

- bertanggungjawab, amanah dan sabar
- berupaya menyesuaikan diri dengan persekitaran kerja yang melibatkan urusan mahkamah/perundangan

8. ANCAMAN/BAHAYA

- tekanan (*stress*)

LAMPIRAN D1

PENGHURAIAN SKOP TUGAS SKIM PERKHIDMATAN PEMBANTU SYARIAH

1. SKIM PERKHIDMATAN

Pembantu Syariah Gred LS17, LS22, LS26.

2. PERINGKAT ORGANISASI

Pelbagai Jabatan/Agenzi Kerajaan.

3. SKOP FUNGSI DAN BIDANG TUGAS

